

## PENYAKIT GREENING



### Tanda-tanda penyakit:

- Bermula dengan tanda-tanda menguning pada pucuk, kekuningan di antara urat daun, disusuli dengan keguguran daun dan mati rosot ranting.
- Buah bersaiz kecil, bentuk tidak bulat, mempunyai rasa masam atau pahit.
- Buah akan gugur sebelum matang dan bijinya mengecil dan mengempis.

### Pengawalan dan Pengurusan:

- Menggunakan stok penanaman bebas dari tanda penyakit *Greening*.
- Mengamalkan kebersihan ladang dan membuang tanaman perumah rumpai bagi serangga pembawa penyakit, psyllid.
- Mengawal serangga pembawa penyakit dengan menggunakan bahan seperti campuran minyak masak dan cecair pencuci pinggan atau racun yang disyorkan.
- Pohon-pohon yang menunjukkan tanda penyakit hendaklah dimusnahkan.

UNTUK KETERANGAN LANJUT,  
SILA HUBUNGI:

MAKMAL PENYAKIT TANAMAN  
UNIT PERLINDUNGAN TANAMAN  
PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN  
BRUNEI, KILANAS  
JABATAN PERTANIAN DAN  
AGRIMAKANAN

LAMAN SESAWANG:  
[www.agriculture.gov.bn](http://www.agriculture.gov.bn)

E-MEL:  
[crop.protection@agriculture.gov.bn](mailto:crop.protection@agriculture.gov.bn)



جابتن ڤرتانين دان اڤري ماكنن

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN | BRUNEI DARUSSALAM



**PENGAWALAN  
DAN  
PENGURUSAN  
PENYAKIT  
UTAMA BAGI  
TANAMAN  
BUAH-BUAHAN**

### BINTIK ANTRAKNOS



#### Tanda-tanda penyakit:

- Tompok-tompok nekrotik di hujung atau di tepi daun.
- Tompok-tompok tersebut melarat ke seluruh helai daun berbentuk bulat berwarna kelabu di tengah-tengah dengan kandul spora yang berbentuk cecincin.

#### Pengawalan dan Pengurusan:

- Bahagian tanaman seperti daun dan buah yang menunjukkan kesan jangkitan hendaklah dibuang dan dimusnahkan.
- Mengamalkan kebersihan dan sanitasi ladang yang baik.
- Sembur tanaman dengan racun penyakit yang disyorkan seperti racun kulat Mancozeb sebagai langkah pencegahan sebelum musim hujan.
- Hasil hendaklah dikutip terlebih dahulu sebelum kerja-kerja penyemburan racun dijalankan.

### BURUK FUSARIUM



#### Tanda-tanda penyakit:

- Daun tua akan menjadi layu dan berwarna kekuningan dan pangkal batang akan menjadi terbelah.
- Pucuk daun akan menjadi layu dan mati.
- Apabila pohon ditebang, bahagian saluran air (xilem) kelihatan berwarna coklat kemerahan.

#### Pengawalan dan Pengurusan:

- Menanam varieti pisang yang rintang penyakit.
- Penyakit tidak dapat dikawal menggunakan racun kulat dan tidak dapat dibasmi daripada tanah dengan menggunakan fumigan.
- Elakkan dan kawal pergerakan umbisi, sulur dan tanah dari kawasan yang dijangkiti ke kawasan yang tidak dijangkiti.
- Mesin, perkakas dan kasut yang telah terdedah kepada tanah yang dijangkiti atau pohon yang berpenyakit hendaklah dicuci dan disteril.

### KANKER



#### Tanda-tanda penyakit:

- Daun menguning atau bertukar menjadi warna perang.
- Bahagian hujung daun akan menjadi kering dan nekrotik.
- Jika kulit batang pohon dikupas, batang akan mengeluarkan cecair coklat kemerahan (*gummosis*).

#### Pengawalan dan Pengurusan:

- Bertanam menggunakan sistem busut tanah.
- Gunakan sungkupan dan baja organik yang telah dikompos dengan baik.
- Mengamalkan pembajaan dan pengairan, dan saliran yang teratur.
- Bahagian batang atau dahan yang menunjukkan kesan *gummosis* hendaklah dirawat dengan dikikis dan kemudian dicat dengan racun seperti metalaxyl atau berbahan kuprum, dan ditutupi luka tersebut dengan cat biasa.